

06/09/1998

Pimpinan dinamik bangun Malaysia

Zulkofli Jamaludin

MALAYSIA yang mencapai kemerdekaan 41 tahun lalu, beruntung kerana semua Perdana Menteri adalah negarawan yang memiliki semangat nasionalisme tinggi untuk membangunkan negara, di samping mewujudkan keharmonian hidup dan menaikkan nama Malaysia di arena antarabangsa.

Malah, tiada siapa dapat menafikan asas pendekatan politik Malaysia dicipta dan dibangunkan oleh keempat-empat Perdana Menteri, terutama Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, berjaya meletakkan asas kukuh pembangunan negara.

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, usaha pertama yang dilakukan oleh Tunku selaku Perdana Menteri pertama ialah mengukuhkan kestabilan politik berbilang kaum. Rintangan yang dihadapi oleh negara dan rakyat di peringkat awal kemerdekaan seperti ancaman komunis dan konfrontasi dengan Indonesia, mendorong kepada penyusunan di tahap kedua, iaitu pembangunan sosioekonomi yang ditekankan dalam pentadbiran Allahyarham Tun Abdul Razak.

Tahap ketiga, menerusi Allahyarham Tun Hussein Onn, Malaysia mencapai kesejahteraan dalam pelbagai bidang - ekonomi, politik, perpaduan di samping pembangunan yang semakin jelas.

Memasuki era pentadbiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1978, arus pembangunan negara kemudian memasuki era perindustrian dan menjurus kepada hubungan dagangan antarabangsa dengan lebih ketara. Perdana Menteri ketika mengimbas sumbangan ketiga-tiga bekas Perdana Menteri pernah berkata, rakyat boleh berbangga Malaysia adalah sebuah negara yang berjaya mempraktikkan demokrasi melalui pilihan raya, penukaran kepimpinan dan kerajaan diadakan tanpa keganasan atau rusuhan.

Menurutnya, Tunku adalah negarawan yang berjuang untuk kemerdekaan negara melalui usaha gigih tanpa pertumpahan darah.

Di bawah kepimpinan Tunku juga Malaysia ditubuhkan dengan kemasukan Sabah dan Sarawak pada 1963. Sepanjang menerajui pemerintahan negara, Tunku banyak mengorbankan masa dan tenaga untuk membangun dan menyatupadukan negara. Memandangkan jasa dan pengorbanan Tunku kepada negara dan masyarakat, beliau digelar Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia.

Tun Abdul Razak pula dikenali seorang yang berpandangan jauh. Di sebalik perwatakannya yang lemah lembut dan pendiam, Allahyarham adalah seorang pemimpin yang tegas, gigih serta berjaya mengubah masyarakat, khususnya di luar bandar. Dasar pendidikan negara banyak diasaskan kepada pemikiran Tun Abdul Razak. Untuk membangunkan kawasan, Allahyarham mencipta sistem Buku Merah dan penggunaan maklum balas dan bilik gerakan.

Memandangkan sumbangan Tun Razak terhadap pembangunan negara, beliau digelar 'Bapa Pembangunan' manakala sumbangan beliau kepada masyarakat luar bandar dan negara mendapat pengiktirafan dengan penganugerahan Anugerah Magsaysay pada 1967.

Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn pula, disifatkan tokoh yang banyak memberi peluang kepada tokoh politik muda memegang jawatan penting dalam kabinet.

Sepanjang perkhidmatannya, beliau sentiasa menitikberatkan kerukunan hidup dalam masyarakat berbilang kaum dan kesejahteraan mereka, dan sebab itu Allahyarham Tun Hussein digelar Bapa Perpaduan.

Berikutan itu, wawasan yang diasaskan oleh Allahyarham Tunku, Tun Abdul Razak, Tun Hussein, kini diteruskan oleh Dr Mahathir yang boleh disifatkan sebagai arkitek dan bapa pembangunan moden Malaysia.

Dr Mahathir secara tegas meminta rakyat bersedia dan mula melangkah ke era negara maju berasaskan perindustrian.

Tetapi rakyat diingatkan bahawa penerokaan bidang industri dan era moden selepas abad ini tidak bermakna ada pengabaian di segi pembangunan spiritual, moral dan tatasusila yang semua menjadi asas pembentukan disiplin diri serta pembinaan keyakinan.

Beliau mengemukakan asas memasuki era itu melalui sebuah kertas kerja bertajuk: Malaysia: Langkah ke hadapan dalam persidangan pertama Majlis Perdagangan Malaysia. Pandangan Perdana Menteri, kemudiannya lebih popular sebagai Wawasan 2020.

(END)